



**KENYATAAN AKHBAR
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**PELAKSANAAN INISIATIF STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN (NBOS)
PEMBAIKAN BANGUNAN KELAB WARGA EMAS KK TANJUNG MALIM**

YBhg Dato' Seri Dr Chen Chaw Min, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia telah menyempurnakan Perasmian Bangunan Kelab Warga Emas di Klinik Kesihatan Tanjung Malim, Perak sebagai inisiatif pelaksanaan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) kerjasama antara Jabatan Kesihatan Negeri Perak dengan Institut Latihan Perindustrian (ILP) Ipoh, Perak. Turut hadir YBhg Dato' Dr Hassan Merican, Pengarah Kesihatan Negeri Perak.

KKM sentiasa berusaha dan begitu komited dalam memberikan sesuatu perkhidmatan kesihatan yang terbaik khususnya kepada komuniti setempat terutamanya kepada warga emas di sekitar kawasan Tanjung Malim ini.

Sesungguhnya, penuaan penduduk adalah satu fenomena universal yang dialami oleh semua negara di dunia dalam kadar yang berbeza. Di Malaysia, golongan warga emas yang ditakrifkan berumur 60 tahun ke atas akan terus meningkat dan dijangka mencapai 10% atau 3.4 juta menjelang 2020. Dan di masa itu, Malaysia akan memasuki kategori negara menua mengikut jangkaan PBB dan 7% penduduk akan berumur 65 tahun dan ke atas.

Menyedari fenomena ini, kerajaan telah menggubal Dasar Warga Tua Negara pada 1995 dan Pelan Tindakan Dasar Warga Tua Negara 1999. Dan pada 1997, KKM juga telah menyediakan Pelan Tindakan Perkhidmatan Kesihatan Warga Tua Negara. Dasar ini penting untuk memastikan penuaan yang sihat, aktif dan produktif dengan memperkasakan warga emas, keluarga dan komuniti dengan pengetahuan yang terkini, kemahiran dan persekitaran yang sewajarnya, serta penyediaan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang optima di semua peringkat dan oleh pelbagai sektor.

Antara prinsip-prinsip untuk pemberian perkhidmatan kepada warga emas adalah berdasarkan kepada prinsip menyediakan perkhidmatan kesihatan dari segi fizikal, mental dan sosial dan tidaklah hanya tanpa ketiadaan penyakit atau ketidakupayaan (WHO).

**Disediakan oleh :
Kementerian Kesihatan Malaysia**

3 Mac 2018